

## **SIARAN MEDIA**

### **LAWATAN KERJA MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN DAN SESI MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA MARDI DAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

KOTA KINABALU, 7 April 2022 - Yang Berhormat Datuk Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hari ini telah mengadakan lawatan kerja ke MARDI Kota Kinabalu, Sabah dan menyaksikan sesi menandatangani memorandum persefahaman diantara MARDI dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Lawatan kerja ini turut disertai oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Haji Salleh, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, YBhg Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, YBhg Prof Datuk ChM. Ts. Dr Taufik Yap Yun Hin, Ketua Pengarah MARDI, YBhg Dato' Dr Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani serta Ahli-Ahli Lembaga Pengelola MARDI.

MARDI Sabah memainkan peranan penting dalam aktiviti mempromosikan teknologi pertanian terbaru, pembangunan usahawan dan penyelidikan dalam bidang pertanian dan industri makanan.

Di MARDI Sabah, perkhidmatan yang disediakan adalah dalam memberikan khidmat nasihat seperti pemindahan teknologi melalui teknologi testbed MARDI Sabah yang merupakan makmal teknologi yang dilengkapi peralatan terkini untuk kemudahan pengeluaran berskala kecil bagi produk makanan terpilih.

MARDI Sabah turut menawarkan Perkhidmatan Makmal Analisis Makanan untuk menganalisis sampel makanan dan pertanian khusus kepada masyarakat Sabah dan Sarawak. Makmal ini berperanan membantu usahawan dalam memenuhi keperluan pelabelan produk makanan. Makmal yang diakreditasi dengan pensijilan MS ISO/IEC 17025 di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) dengan No. SAMM 647 ini diiktiraf di peringkat antarabangsa dan seterusnya dapat meringkaskan proses eksport untuk produk – produk Negeri Sabah.

Bersempena dengan lawatan tersebut, MARDI juga telah memeterai perjanjian menerusi Memorandum Persefahaman (MOU) diantara Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mempertingkatkan penyelidikan dan inovasi antara Universiti (UMS) dan Institut (MARDI) dalam projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) melalui pertanian pintar, pembangunan dan aplikasi sistem pemantauan berimej untuk prestasi pertumbuhan tanaman dalam kilang tanaman.

Melalui MOU juga, MARDI dan UMS akan memantapkan aspek sains *fundamental* dan aplikasi dalam aktiviti R&D untuk menghasilkan teknologi bermutu dan berorientasikan industri. Pemindahan teknologi ke UMS juga adalah untuk

meningkatkan lebih banyak penglibatan pembangunan penyelidikan dalam pembelajaran dengan meningkatkan bilangan penyelidikan dan pembangunan berkualiti dalam bidang pertanian, meningkatkan penerbitan berimpak tinggi melalui penjaanaan data saintifik yang terhasil.

Turut disampaikan, Geran Rezeki Tani kepada 2 pengusaha tempatan yang masing-masing bernilai RM9,000 yang akan diberikan dalam bentuk barangan bagi membantu perusahaan pengusaha berkenaan yang terlibat dalam industri makanan.

Kementerian akan terus memberikan sokongan yang perlu kepada MARDI Sabah bagi terus membantu usahawan dan golongan sasaran dalam membangunkan sektor pertanian dan industri makanan di Sabah.

Untuk rekod, Kerajaan melalui MAFI juga telah memperuntukkan lebih RM135 juta kepada Negeri Sabah tahun ini melalui Jabatan dan Agensi MAFI termasuk MARDI Sabah untuk melaksanakan pelbagai projek, program dan inisiatif merentasi semua subsektor termasuk padi dan beras, perikanan, tanaman dan ternakan.

TAMAT

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Abdul Rahman Abdul Razak  
Timbalan Pengarah Program Perhubungan Awam  
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)  
Tel : 019248 0204  
Emel : [arar@mardi.gov.my](mailto:arar@mardi.gov.my)

Nur Akmal binti Hassan  
Pegawai Perhubungan Awam  
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)  
Tel: 019-455 3400  
Emel : [nurakmal@mardi.gov.my](mailto:nurakmal@mardi.gov.my)

